



BANK OF SINGAPORE LIMITED

(Diperbadankan di Singapura. Nombor Pendaftaran: 197700866R)

EKSTRAK MAKLUMAT KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

MUSTAHAK

Maklumat kewangan yang terbentang di bawah ini merupakan petikan daripada penyata kewangan Bank of Singapore (Bank) yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2025 (penyata kewangan). Ia tidak mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memberi pemahaman lengkap tentang keputusan dan kedudukan kewangan Bank. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada set penyata kewangan teraudit yang lengkap. Ini boleh didapati atas permintaan di pejabat berdaftar bank di 63 Chulia Street, #10-00 OCBC Centre East, Singapura 049514. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan dipakai.

Penyata Pengarah

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Para Pengarah

Para pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh penyata ini adalah seperti berikut:

Andrew Lee Kok Keng, Pengerusi

Jason Moo Yi Sin

Na Wu Beng

Tan Teck Long (dilantik pada 1 Januari 2026)

Tee Fong Seng (dilantik pada 1 Januari 2025)

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Para Anggota Bank of Singapore Limited

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan bagi Bank of Singapore Limited ("Bank") telah dibentangkan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Singapura (Antarabangsa) ("SFRS(I)s") untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan, perubahan ekuiti serta aliran tunai Bank bagi tahun Kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Apa yang telah kami audit

Penyata-penyata kewangan Bank terdiri daripada:

- penyata-penyata pendapatan komprehensif Bank bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2025;
- Kunci kira-kira Bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2025;
- penyata-penyata perubahan dalam ekuiti Bank bagi tahun kewangan itu berakhir;
- penyata-penyata aliran tunai bagi tahun itu berakhir; dan
- nota-nota bagi penyata-penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang penting.

Asas pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Mengaudit Singapura (SSA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diterangkan lebih lanjut di bahagian 'Tanggungjawab Juruaudit Bagi Mengaudit Penyata-Penyata Kewangan' dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan

Kami bebas daripada Bank menurut Kod Tatakelakuan Profesional dan Etika Pihak Berkuasa Kawalselia Perakaunan dan Korporat untuk Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA"), sebagaimana terpakai untuk audit penyata kewangan entiti berkepentingan awam, bersama-sama dengan keperluan etika yang berkaitan dengan audit penyata kewangan entiti kepentingan awam di Singapura. Kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut keperluan ini dan Kod ACRA.

Maklumat lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Penyata Pengarah dan Notis MAS 608 Maklumat Tambahan tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami tentang penyata-penyata kewangan tersebut tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain secara material tidak bertentangan dengan penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit, atau sebaliknya kelihatan berlaku salah nyata secara material. Jika, berdasarkan tugas yang telah kami laksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pengarah bagi Penyata Kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan FRS dan bagi menghasilkan dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa aset-aset telah dilindungi daripada kerugian akibat penggunaan atau pelupusan tanpa kebenaran; dan urusan niaga telah mendapat kebenaran dan ini direkodkan sebagai satu keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama dan untuk mengekalkan kebertanggungjawaban aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank untuk meneruskan usaha berterusan, mendedahkan, mengikut mana yang berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dengan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pengurusan berhasrat sama ada membubarkan Bank atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Bank.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata-Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata-penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan yang munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan SSA akan sentiasa dapat mengesan salah nyata material jika ianya wujud. Salah nyata boleh terbit daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau secara agregat, boleh secara munasabah dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang dibuat berdasarkan penyata-penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang selaras dengan SSA, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko tersebut, dan dapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyataan atau penggantian kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk mereka bentuk prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Bank untuk meneruskan usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang ketara wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami harus mengubah suai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Namun begitu, peristiwa atau keadaan masa depan mungkin boleh menyebabkan Bank berhenti meneruskan usaha berterusan.
- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata-penyata kewangan, termasuk pendedahan dan sama ada penyata-penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa tersirat dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.
- Merancang dan melaksanakan audit kumpulan untuk mendapatkan bukti audit yang bersesuaian yang mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti atau unit perniagaan dalam Bank sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan semakan ke atas kerja-kerja audit yang dilakukan untuk tujuan audit kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami menyampaikan kepada para pengarah mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan hasil audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Laporan Mengenai Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Yang Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Bank telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

PricewaterhouseCoopers LLP

Akauntan Awam dan Akauntan Bertauliah
Singapura, 10 Februari 2026

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

	2025 US\$ juta	2024 US\$ juta
Pendapatan faedah	1,543	1,775
Perbelanjaan faedah	(1,015)	(1,254)
Pendapatan faedah bersih	528	521
Yuran-yuran dan komisen-komisen bersih	436	325
Pendapatan dagangan bersih	301	219
Pendapatan lain	6	4
Pendapatan bukan faedah	743	548
Jumlah pendapatan sebelum perbelanjaan operasi	1,271	1,069
Kos kakitangan	(497)	(449)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(44)	(39)
Perbelanjaan operasi lain	(238)	(183)
Jumlah perbelanjaan operasi	(779)	(671)
Keuntungan operasi sebelum peruntukan dan pelunasan	492	398
Pelunasan aset-aset tidak ketara	(6)	(6)
Rosot nilai syarikat subsidiari	(2)	(8)
Elaun pinjaman dan asset lain	(#)	(6)
Keuntungan sebelum cukai pendapatan	484	378
Perbelanjaan cukai pendapatan	(73)	(53)
Keuntungan selepas cukai pendapatan	411	325
Pendapatan komprehensif lain:		
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung rugi:		
Keuntungan bersih dari pelaburan hutang di FVOCI, cukai bersih	(#)	(#)
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung rugi:		
Pengukuran semula pelan manfaat yang ditentukan	(#)	(#)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	411	325

mewakili jumlah kurang daripada US\$0.5 juta

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Kunci Kira-Kira

Pada 31 Disember 2025

	2025 US\$ juta	2024 US\$ juta
Aset		
Tunai dan baki di bank-bank pusat	130	143
Baki dan penempatan dengan dan pinjaman kepada bank-bank	403	302
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan bukan bank	15,775	13,294
Jumlah terhutang daripada syarikat induk	20,462	24,185
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan	5	4
Instrumen-instrumen kewangan derivatif	835	657
Pelaburan-pelaburan lain	727	656
Aset-aset lain	2,054	1,083
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	17	19
Hartanah, loji dan peralatan	161	153
Aset-aset tidak ketara	5	11
Nilai muhibbah	168	168
Jumlah aset	40,742	40,675
Liabiliti		
Deposit pelanggan bukan bank	32,623	31,626
Deposit dan baki dengan bank	15	13
Jumlah terhutang kepada syarikat induk	2,364	4,637
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	37	30
Instrumen-instrumen kewangan derivatif	852	650
Liabiliti-liabiliti lain	2,315	1,370
Cukai semasa belum bayar	65	45
Liabiliti cukai tertunda, bersih	7	6
Jumlah liabiliti	38,278	38,377
Ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank		
Modal saham	996	996
Instrumen ekuiti lain	200	200
Rizab lain	1	8
Pendapatan tertahan	1,267	1,094
Jumlah ekuiti	2,464	2,298
Jumlah ekuiti dan liabiliti	40,742	40,675

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

MAS Notis 608 Maklumat Tambahan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Modal

Objektif utama pengurusan modal Bank adalah untuk memastikan Bank mematuhi keperluan modal yang dikenakan secara luaran dan bahawa Bank mengekalkan nisbah modal yang sihat untuk menyokong perniagaannya dan untuk memaksimumkan nilai pemegang saham. Aktiviti tersebut dilaksanakan berdasarkan dasar, garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Kecukupan modal Bank adalah dipantau dengan peraturan dan nisbah yang ditetapkan oleh Monetary Authority of Singapore ("MAS") dalam menyelia Bank.

Bank telah mematuhi keperluan minimum 8% dan 10% untuk Nisbah Kecukupan Modal Tahap 1 ("CAR") dan jumlah CAR yang masing-masing dikehendaki melalui Notis MAS 637 pada 2025 dan 2024.

	2025 US\$ juta	2024 US\$ juta
Modal tahap 1		
Saham biasa	996	996
Sekuriti modal berterusan	200	200
Rizab yang didedahkan	1,269	1,095
	2,465	2,291
Modal Tahap 1 Ekuiti Biasa	1,957	1,777
Modal layak Tahap 1	2,156	1,976
Modal Tahap 2	1	1
Jumlah modal layak	2,157	1,977
Aset berwajaran risiko	10,596	10,571
Tahap 1 CAR Ekuiti Biasa	18.5%	16.8%
Tahap 1 CAR	20.4%	18.7%
Jumlah CAR	20.4%	18.7%